

**Lebih Ramai Jentera Wanita Umno Berkampung Di Kuala Besut
Bernama
19 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 19 Julai (Bernama) -- Seramai 600 anggota jentera Wanita Umno sudah turun padang bagi membantu Barisan Nasional (BN) mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut pada Pilihan Raya Kecil (PRK), 24 Julai ini.

Ketuanya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kesemua anggota jentera sayap parti itu dari seluruh negara akan menggerakkan program dan aktiviti berkonsepkan Jalinan Rakyat.

Selain anggota Wanita Umno, katanya seramai 160 anggota parti komponen BN yang lain juga akan turut berkempen dalam memberi penerangan betapa pentingnya kerusi DUN Kuala Besut kekal milik BN.

"Dengan cara lawatan dari rumah ke rumah, kita ada sentuhan dengan penduduk dan pengundi dan tahu pandangan dan masalah mereka," katanya kepada pemberita selepas menyertai program Sentuhan Medik Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di sini, Jumaat.

PRK Kuala Besut menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman dan calon PAS Endot@Azlan Yusof.

PPK itu diadakan ekoran kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar pada 26 Jun akibat kanser paru-paru.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964739>